



Ruj kami : PWN. Sel.(PPA) 052 Jilid 4 (21)  
Tarikh : 22 Rajab 1441H  
17 Mac 2020

Semua Jabatan Kerajaan Negeri  
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Pejabat Daerah/Tanah  
Selangor Darul Ehsan

YB. Dato'/ YBhg Datuk/YBhg Dato'/Tuan/Puan

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (MOVEMENT CONTROL ORDER)**  
**- TINDAKAN YANG PERLU DI AMBIL BAGI SEMUA PEROLEHAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 di seluruh Negara. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Bagi memastikan kaedah perolehan yang sedang dilaksanakan tidak terjejas, berikut disenaraikan **pengecualian yang boleh diberikan:-**

- 2.1 Tarikh tutup sebutharga/tender jabatan sekiranya jatuh dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, Jabatan hendaklah melanjutkan tempoh masa pengiklanan sehingga 15 April 2020;
- 2.2 Sekiranya pelantikan syarikat tidak dapat dibuat di dalam tempoh sahlaku sebutharga ketika Perintah Kawalan Pergerakan ini, pengecualian pelanjutan tempoh sah laku sebutharga boleh diberikan sehingga 15 April 2020 di bawah kuasa Pegawai Kewangan Negeri seperti tertakluk AP168;
- 2.3 Sekiranya pelantikan syarikat tidak dapat dibuat di dalam tempoh sahlaku tender ketika Perintah Kawalan Pergerakan ini, pelanjutan tempoh sah laku tender boleh diberikan sehingga 15 April 2020 di bawah kuasa Pengerusi Lembaga Perolehan Negeri seperti tertakluk PP PK2.1;

Ruj kami : PWN. Sel.(PPA) 052 Jilid 4 (21)

Tarikh : 22 Rajab 1441H  
17 Mac 2020

3. Justeru itu, YB. Dato'/ YBhg Datuk/YBhg Dato'/Tuan/Puan selaku Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab terhadap perolehan yang sedang dilaksanakan dan perlu memastikan penguatkuasaan dibuat mengikut tempoh masa bersesuaian.

4. Arahan ini adalah berkuatkuasa daripada tarikh surat ini ditandatangani. Sekiranya terdapat permohonan pengecualian selain daripada perkara di atas semasa perintah kawalan ini, permohonan boleh dikemukakan daripada masa ke semasa untuk pertimbangan.

Sekian, terima kasih

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' NOR AZMIE DIRON)**

D.P.M.S,

Pegawai Kewangan Negeri